

Penyertaan hanya akan ditutup pada 20 Mei ini

Peluang sertai SASTIEC 2016



Oleh LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR

PULAU TIOMAN – Orang ramai masih lagi berpeluang untuk menyertaikan Sultan Ahmad Shah Tioman International Eco-Challenge (SASTIEC) 2016 yang akan berlangsung di sini pada 21 Mei ini kerana penyertaan hanya akan ditutup pada pukul 7 malam, 20 Mei.

Pengarah Acara SASTIEC 2016, Letnan Kolonel Datuk Thong Kok Sing (gambar kecil) berkata, pihaknya telah menerima sebanyak 167 penyertaan dari dalam dan luar negara meliputi semua kategori yang dipertandingkan setakat ini.

“Beberapa pihak seperti Uni-



versiti Malaysia Pahang (UMP), angkatan tentera dan persatuan belia di Pahang juga telah mengesahkan kehadiran mereka ke SASTIEC 2016.

“Orang ramai tidak perlu bimbang untuk menyertai acara ini kerana surian pendaftaran yang dikenakan begitu murah iaitu RM50 sahaja bagi penduduk tempatan dan RM100 kepada peserta dari luar negara,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

SASTIEC 2016 yang dianjur-

kan oleh SAS Eco Challenge Sdn. Bhd. dengan kerjasama Tioman Development Authority disifatkan sebagai antara aktiviti lasak yang paling mencabar di rantau ini.

Acara yang mula diperkenalkan pada tahun 2008 itu menyasarkan penyertaan kira-kira 300 orang peserta meliputi tiga kategori iaitu Antarabangsa, Tempatan dan Veteran.

Dalam pada itu, Kok Sing berkata, SASTIEC 2016 adalah lebih mencabar berbanding edisi terdahulu memandangkan 40 peratus daripada 30 kilometer

(km) jaluan yang perlu dilalui peserta terdiri daripada jalan berbukit terutamanya di Gunung Kajang.

“Gunung tersebut turut menyediakan pemandangan yang menarik kerana ia dipenuhi dengan flora dan fauna yang unik di negara ini,” katanya.

Pada masa sama, beliau turut memberitahu, pihaknya menjakakkan kehadiran kira-kira 1,500 penduduk Pulau Tioman ke jamuan makan malam bersama rakan-rakan peserta SASTIEC 2016 pada Ahad ini.

“Tahun lalu sahaja kita berjaya menjadui sehingga 1,000 orang penduduk pulau berkenaan, jadi bagi edisi kali ini kami berhasrat untuk meningkatkan jumlah penyertaan penduduk setempat,” ujar beliau.

Pada masa sama, menurutnya, kumpulan kesenian dan kebudayaan negeri Pahang juga akan memeriahkan majlis jamuan tersebut melalui satu persembahan tarian baharu ciptaan mereka.

Maklumat lanjut mengenai SASTIEC boleh diperolehi melalui laman web www.eco-challenge.com atau dengan menghubungi talian **03-6206 3830**.

INFO SASTIEC

- Mula diperkenalkan pada 2008
- Diinspirasikan oleh Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah yang cintakan alam semula jadi, aktiviti mencabar dan aktiviti luar termasuk sukan air
- Merupakan jaluan perlumbaan rimba yang paling mencabar di Asia Tenggara
- Pengajur: SAS Challenge Sdn. Bhd., C1-1-2 Solaris Dutamas, No.1, Jalan Dutamas 1, 50480, Kuala Lumpur
- Telefon: 03-6206 3830 / 013-3231 283
- Laman web: www.eco-challenge.com.my

INFO Pulau Tioman

- Sebuah pulau yang terletak di perairan daerah Rompin, Pahang
- Berkeluasan 468 kilometer persegi
- Kira-kira 90 peratus pulau adalah kawasan hutan
- Menjadi antara lokasi kegemaran untuk aktiviti selam skuba dan snorkeling
- Mempunyai 10 buah kampung yang